

## ANALISIS STILISTIK DALAM NOVEL EMPAYAR: HIKAYAT PUTERA TANPA NAMA

### (*STYLISTIC ANALYSIS IN THE EMPIRE NOVEL: HIKAYAT PUTERA TANPA NAMA*)

Nurafiqah Haziah Basir<sup>1</sup>

Azean Idruwani Idrus<sup>2\*</sup>

Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh<sup>1,2</sup>

<sup>2\*</sup> *Corresponding Author's Email:* [azeanidruwaniidrus@iium.edu.my](mailto:azeanidruwaniidrus@iium.edu.my)

---

#### **Article History:**

*Received* : 29 September 2024

*Revised* : 19 Oktober 2024

*Published* : 31 Disember 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

---

#### **To cite this article:**

Idrus, Azean Idruwani., & Basir, Nurafiqah Haziah (2024). ANALISIS STILISTIK DALAM NOVEL EMPAYAR: HIKAYAT PUTERA TANPA NAMA. *Jurnal Kesidang*, 9(1), 95-106.

#### **ABSTRAK**

Kajian ini menekuni aspek stilistik yang terkandung dalam novel Empayar: Hikayat Putera Tanpa Nama. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Stilistik oleh J.J Webber (1989) yang menggariskan enam prinsip kajian stilistik dan keenam-enam prinsip tersebut akan dijadikan sebagai panduan dalam proses analisis kajian. Kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks merupakan dua kaedah yang diaplikasi dalam kajian ini. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis gaya stilistik yang terdapat dalam karya menggunakan prinsip stilistik J. J Webber (1989). Hasil analisis memperlihatkan keenam-enam prinsip tersebut, iaitu Analisis Prinsip Fonologi, Analisis Prinsip Pemilihan Diksi, Analisis Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat atau Struktur Analisis, Analisis Prinsip Kajian Terhadap Makna atau Semantik, Analisis Prinsip Penelitian kepada Unsur-unsur Bahasa Dramatik dan Prinsip Gaya Individualisme. Prinsip stilistik ini amat dominan dan signifikan dalam novel Empayar: Hikayat Putera Tanpa Nama. Penggunaan enam prinsip tersebut mampu menimbulkan keindahan kata dan juga makna serta menunjukkan bahawa elemen bahasa Melayu klasik yang terkandung dalam novel ini juga sememangnya mampu menonjolkan sebuah nilai estetika yang sangat tinggi dan mudah dicerna oleh minda pembaca.

**Kata kunci:** Teori Stilistik, J.J. Webber (1989), Keindahan Bahasa, Karya Sastera, Novel

#### **ABSTRACT**

This study focuses on the stylistic aspects found in the novel "Empayar: Hikayat Putera Tanpa Nama". The theory used in this study is the Stylistic Theory by J.J Webber (1989), which outlines six principles of stylistic analysis. These six principles will serve as a guide in the analysis process. The study utilizes the methods of literature review and text analysis. The main objective of this study is to identify and analyze the stylistic elements in the work using J.J Webber's (1989) principles of stylistic analysis. The results of the analysis show that all six principles, namely Phonology Analysis Principle, Diction Selection Principle, Sentence Formation or Structure Analysis Principle, Semantic Study Principle, Dramatic Language Elements Research Principle, and Individualism Style Principle, are dominant and significant in the novel "Empayar: Hikayat Putera Tanpa Nama". The use of these six principles can produce the beauty of words and meaning. It also highlights the classical Malay language elements

contained in the novel, which can enhance an aesthetic value that is highly appreciated and easily understood by the readers' minds.

**Keywords:** *Stylistic Theory, J.J. Weber (1989, Beauty of Language, Literary Works, Novel*

## 1.0 PENGENALAN

Stilistik merupakan bidang ilmu yang berkaitan dengan nilai keindahan atau estetika yang dikaitkan dengan hasil penulisan atau karya. Menurut Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad dan Muhammad Zaid Daud (2018) stilistik merupakan sebuah bidang kajian terhadap keindahan bahasa yang diterokai dari sudut penggunaan linguistik dan bahasa terhadap sesebuah karya sastra. Melalui bidang stilistik dapat menyerlahkan dan menunjukkan keupayaan pengarang atau penulis menggunakan bahasa sebagai alat untuk mengungkapkan pemikiran yang bersifat imaginatif, figuratif, simbolik dan memiliki unsur-unsur estetika (Arba'ie Sujud, 2014). Hal ini secara tidak langsung meningkatkan penguasaan dan perkembangan bahasa seseorang lebih-lebih lagi sifat sastra adalah mementingkan kehalusan dan keindahan.

Menurut Crystal (1985), stilistik ialah gaya bahasa yang merujuk kepada jenis kaedah kajian linguistik tertentu ketika bahasa digunakan dalam ucapan masyarakat, misalnya bahasa sains, undang-undang, debat, sastra, agama dan bahasa yang digunakan bagi kelas sosial yang berbeza. Kajian stilistik terdiri daripada kelainan bahasa yang mempunyai bentuk gaya bahasa seperti pengulangan, perbandingan, pertentangan, perpautan dan penyirnaan begitu juga dengan peribahasa, sindiran dan gaya retorik. Ciri kedua melalui pemakaian bahasa yang termasuk dalam bidang linguistik seperti fonologi, morfologi, semantik dan sintaksis Crystal (1985)

Oleh hal yang demikian, Novel Empayar (Hikayat Putera Tanpa Nama) dapat dilihat sebagai karya yang mencakupi unsur stilistik melalui penggunaan bahasanya di samping sarat dengan keindahan bahasa seterusnya mampu menonjolkan nilai estetika yang tinggi. Analisis ini tertumpu kepada kepada salah satu karya Teme Abdullah. Novel Empayar (Hikayat Putera Tanpa Nama) karya Teme Abdullah diterbitkan oleh Iman Publication pada 2018. Penulisan dalam novel ini terbahagi kepada 16 bab dengan jumlah halaman sebanyak 347 muka surat. Novel Empayar (Hikayat Putera Tanpa Nama) menekankan tentang isu golongan yang menjadi penunggang agama untuk kepentingan sendiri selain turut menggarap isu tersebut ke dalam bentuk imaginasi kompilasi unsur futuristik dan satira.

Sehubungan dengan itu, keupayaan dan keberkesanan karya ini sebagai sebuah karya yang kaya dengan unsur stilistik sepertimana yang digariskan oleh J.J Webber akan diperlihatkan, dibincang dan dinilai dengan menggunakan prinsip stilistik J.J Webber (1989) menerusi novel Novel Empayar (Hikayat Putera Tanpa Nama). Kajian analisis stilistik berpandukan Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) kurang diaplikasikan secara menyeluruh yang melibatkan keenam-enam elemen tersebut dalam penghasilan karya sastra. Hal ini dikatakan demikian terdapat beberapa kajian yang berfokuskan ilmu stilistik ini namun kajian tidak dilakukan ini secara menyeluruh. Menurut Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad dan Muhammad Zaid Daud (2018), kebanyakan kajian-kajian yang dihasilkan oleh para pengkaji berkaitan analisis stilistik hanya menumpukan kepada penggunaan jenis-jenis stilistik dan juga penggunaan stilistik yang paling dominan dalam sesebuah karya pilihan bagi setiap pengkaji.

## 2.0 OBJEKTIF

Oleh itu, kajian ini dilakukan berpandukan dua objektif utama, iaitu

- (i) Mengenal pasti stilistik dalam novel Empayar (Hikayat Putera Tanpa Nama) dengan berpandukan prinsip stilistik J.J. Webber (1989).
- (ii) Menganalisis stilistik dalam novel Empayar (Hikayat Putera Tanpa Nama) dengan berpandukan prinsip stilistik J.J. Webber (1989).

## 3.0 METODOLOGI

Bagi pengumpulan data kajian, reka bentuk kualitatif dengan kaedah analisis teks digunakan. Ujaran yang menjadi data kajian ini diambil daripada novel Empayar: Hikayat Putera Tanpa Nama karya Teme

Abdullah. Rasional pemilihan novel ini kerana garapan penulisan yang mengetengahkan realiti isu kehidupan golongan yang menjadi penunggang agama untuk kepentingan sendiri. Proses pengumpulan data dilakukan dengan membuat pembacaan penuh terhadap novel *Empayar: Hikayat Putera Tanpa Nama* disertai dengan penganalisisan dan penyenaaraian terhadap objektif kajian yang bertunjangkan kepada analisis stilistik berdasarkan prinsip stilistik oleh J.J Webber pada tahun 1989. Kesemua data yang diperolehi dibuat pengkategorian data berdasarkan objektif, penjadualan serta penghuraian secara rinci dilakukan bagi menyempurnakan penganalisisan data berdasarkan pemerhatian pengkaji.

#### **4.0 KERANGKA TEORI**

Teori Stilistik J.J. Webber (1989) digunakan dalam kajian ini sebagai kerangka teori yang utama. Dalam kajian ini akan mengemukakan enam prinsip kajian stilistik namun hanya lima prinsip tersebut akan dijadikan panduan dalam proses analisis kajian. Keenam-enam prinsip Stilistik J.J. Webber 1989 yang dikatakan merangkumi Analisis Prinsip Fonologi, Analisis Prinsip Diksi, Analisis Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat atau Struktur Analisis, Analisis Prinsip Kajian terhadap Makna atau Semantik, Prinsip Stilistik dan Prinsip Gaya Individualisme. Analisis Prinsip Fonologi menurut Weber ialah merupakan kajian yang melibatkan sebarang bunyi bahasa seperti pengulangan awal kata, akhir kata mahupun di bahagian tengah. Dalam buku *Fonologi Bahasa Iban-Fonologi Jaku Iban* oleh Asmah Haji Omar dan Rosline Sandai (2020) menyatakan fonologi adalah kajian mengenai bunyi bahasa, khususnya bunyi sesuatu bahasa tertentu. Dapat disimpulkan prinsip fonologi atau penggunaan bunyi ialah melihat taburan penggunaan bunyi seperti meneliti aspek asonansi, aliterasi, anafora, responsi, rima dan epifora. dan sebagainya. Kekerapan penggunaan bunyi tersebut menimbulkan kesan estetik dan kekuatan. Menurut Webber (1989) Analisis Prinsip Diksi merujuk kepada pemilihan diksi, iaitu pemilihan dan penggunaan perkataan yang sesuai dengan tema atau tajuk sesuatu bahan bercerita dan berkesan untuk mengungkapkan idea sama ada secara bertulis atau lisan. Melalui pemilihan diksi yang sesuai bukan sahaja mampu menyampaikan jalan cerita yang selari dengan kosa kata bahkan juga menentukan keberkesanan sesebuah karya seterusnya akan meninggalkan kesan kepada pembaca. Prinsip ketiga merupakan Analisis Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat Atau Struktur Analisis. Menurut Webber (1989) cara suatu ayat yang dihasilkan dalam sesebuah karya itu diterjemahkan bentuknya. Analisis pembentukan ayat ini merujuk kepada susunan ayat, iaitu daripada sudut panjang dan pendek ayat. Selain itu penggabungan dua kata dasar yang berbeza serta penyusunan perkataan yang tepat dan kurang tepat dalam tatabahasa. Berdasarkan prinsip ini penekanan lebih kepada aspek deviasi yang dilakukan untuk menimbulkan gaya yang berkesan. Selain itu, dalam Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) turut melibatkan Analisis Prinsip Kajian Terhadap Makna atau Semantik. Stilistik amat mementingkan makna untuk difahami dan makna yang diterjemahkan perlulah merangkumi konotatif ataupun denotatif. Dapat disimpulkan berdasarkan pandangan Webber tentang semantik ialah pengkhususan kepada semantik atau makna, yang bermaksud bahawa penggunaan bahasa bermula dengan taburan bunyi, pemilihan perkataan dan penyusunan ayat dengan matlamat untuk menghasilkan makna.

#### **5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

##### **Analisis Prinsip Fonologi**

Indirawati Zahid dan Mardian Shah Omar (2006) dalam bukunya *Fonetik dan Fonologi* menyatakan fonologi ialah kajian tentang sistem bunyi bahasa di mana sistem tersebut merupakan lambang atau simbol yang akan mewakili setiap bunyi atau ujaran yang akan dihasilkan. Justeru, fonologi merupakan sebuah pecahan bidang bahasa yang dapat difahamkan sebagai kajian yang dikaitkan dengan sistem bunyi bahasa yang terdiri daripada senarai dan ciri-ciri bunyi bahasa dimana bidang fonologi ini melihat taburan penggunaan bunyi seperti meneliti aspek asonansi, aliterasi, rima dan sebagainya. Kekerapan penggunaan bunyi tersebut menimbulkan kesan estetik dan kekuatan. Selain itu, stilistik juga melihat sudut-sudut kelainan atau variasi dalam penggunaannya. Jadual 1 yang menunjukkan contoh penggunaan prinsip fonologi yang terdapat dalam Novel *Empayar: Hikayat Putera Tanpa Nama* karya Teme Abdullah.

**Jadual 1: Analisis Prinsip Fonologi**

No.	Data	Prinsip Fonologi	Penerangan
1.	Tarik jangan sampai tercabut. Lembut jangan sampai terlepas.	Asonansi	Pengulangan huruf vokal a.
2.	Ketat jangan sampai mencekik. Senjah jangan sampai menjerut.		Pengulangan huruf vokal e.
3.	Ketat jangan sampai mencekik. Senjah jangan sampai menjerut.	Aliterasi	Pengulangan huruf konsonan n.
4.	Longgar jangan sampai terlucut.		Pengulangan huruf konsonan g.
5.	Tarik jangan sampai tercabut		Pengulangan huruf konsonan t.
6.	<p><b>Ada</b> pula kelebihan dalam menyusun ilmu siasat.  <b>Ada</b> juga yang kuat dari segi perasaan.  <b>Ada</b> yang mempunyai kelebihan dalam merangka helah.</p> <p><b>Yang</b> rambut tertayang bersembunyi mengaji.  <b>Yang</b> berjubah putih sibuk mengkafirkan.</p> <p><b>Itu semua</b> cinta.  <b>Itu semua</b> pengorbanan.</p> <p><b>Adakah</b> itu benar?  <b>Adakah</b> itu salah satu punca engkau dibelasah?</p> <p><b>Engkau</b> pelatih di Madrasah Taming Sari.  <b>Engkau</b> ditakdirkan untuk menjadi seorang pemimpin masyarakat.</p> <p><b>HIDUP 8492!</b>  <b>HIDUP 8492!</b>  <b>HIDUP 8492!</b></p> <p><b>Patutlah</b> Pelatih 8492 tahu serba sedikit perancangan sultan di Pulau Singa.  <b>Patutlah</b> Pelatih 8492 lebih bijak dan hebat berhujah berbanding penuntut-penuntut yang lain. <b>Patutlah</b> penuntut itu tidak gerun untuk bertarung.</p>	Anafora	Pengulangan perkataan yang sama pada awal baris secara berturutan.

7.	Tarik <b>jangan sampai</b> tercabut. Longgar <b>jangan sampai</b> terlucut. Ketat <b>jangan sampai</b> mencekik. Lembut <b>jangan sampai</b> terlepas.  Keras <b>jangan sampai</b> menghentak. Senjah <b>jangan sampai</b> menjerut.	Responsi	Pengulangan perkataan yang sama pada pertengahan baris secara berturutan.
8.	Tempat pengajian pun <b>tidak diberitahu</b> . Malah, nama gurunya pun <b>tidak diberitahu</b> .	Epifora	Pengulangan perkataan yang sama pada akhir baris secara berturutan.

Dalam contoh pertama dan kedua, aspek bunyi dapat dilihat dalam novel ini yang banyak menekankan aspek bunyi asonansi iaitu perulangan bunyi vokal, iaitu pengulangan huruf vokal **a** dan **e**. Pengulangan vokal a dan e ini bersesuaian dengan mesej yang disampaikan dalam novel yang berkaitan kehidupan kesultanan Melayu yang dibayangkan secara klasik dan futuristik. Melalui perulangan vokal ini mampu untuk menimbulkan kemerduan bunyi, kelembutan bunyi dan keindahan bunyi. Sementara dalam contoh tiga hingga lima pula dapat dilihat pengulangan huruf konsonan **n**, **g** dan **t**. Pengulangan aspek bunyi aliterasi mampu memberi kesan bunyi yang baik dalam sebuah novel. Dalam contoh keenam, aspek stilistik anafora turut digunakan oleh penulis novel. Memandangkan anafora berkaitan dengan pengulangan perkataan pada awal baris ayat secara berturutan, maka fonologi adalah lebih ketara disebabkan oleh keselarasan bunyi yang terhasil. Pengulangan perkataan ‘**ada**’, ‘**yang**’, ‘**itu semua**’, ‘**adakah**’, ‘**engkau**’, ‘**hidup 8492**’ dan ‘**patutlah**’ yang berulang-ulang bertujuan untuk menimbulkan irama atau susunan muzikal untuk mengindahkan pembacaan dalam sesebuah novel. Perulangan itu bukanlah sengaja direka untuk menimbulkan keindahan tetapi merupakan perkembangan semula jadi bahasa itu sendiri yang digunakan dalam pengucapan sehari-hari. Perulangan yang digunakan secara sedar berfungsi untuk tujuan intensiti. Seterusnya fonologi yang dapat dilihat daripada aspek responsi melalui pengulangan perkataan ‘**jangan sampai**’ yang berada pada pertengahan baris yang disesuaikan dengan definisi atau penerangan berkaitan responsi itu sendiri. Penggunaan epifora melalui perkataan ‘**tidak diberitahu**’ yang terdapat dalam novel dapat membantu menimbulkan rima yang menarik dan sekaligus dapat menarik perhatian pembaca untuk memahami secara lebih mendalam berkaitan apa yang hendak disampaikan dalam novel dari segi bidang atau prinsip fonologi.

### Analisis Prinsip Pemilihan Diksi

Diksi merupakan satu bentuk stilistik yang berkaitan dengan pilihan kata dalam penulisan untuk menggambarkan sesuatu jalan penceritaan. Pemilihan perbendaharaan kata dan gaya ungkapan yang tepat atau berkesan bertujuan untuk menimbulkan kesan idea sama ada secara bentuk bertulis mahupun lisan. Selain itu, pemilihan diksi bertujuan untuk memastikan para pembaca dapat memahami tentang apa yang hendak disampaikan oleh penulis sesebuah karya penulisan itu sendiri. Jadual 2 memperlihatkan ayat yang mengandungi prinsip pemilihan diksi yang bertujuan untuk menyampaikan sesuatu maksud dengan lebih berkesan.

**Jadual 2: Analisis Prinsip Pemilihan Diksi**

<b>PRINSIP PEMILIHAN DIKSI</b>	
Diksi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Moga-moga kita saling menjadi <b>galang penopang</b> menyangga tiang tertegak.</li> <li>• Istimewanya pada <b>tanjak</b> seorang penghulu.</li> <li>• Bukan melakukan <b>onar</b>.</li> <li>• Pengetahuan <b>dangkal</b> mereka terhadap apa yang berlaku di sebalik tembok.</li> <li>• Kurang daripada tiga batu dari sini, tersedia sebuah <b>lancang</b> untuk memuatkan kita semua ke Pulau Singa.</li> <li>• <b>Geliung</b> Melayu saiznya jauh lebih besar daripada lancang.</li> <li>• Manakala <b>jong</b> Melayu pula jauh lebih gergasi berbanding geliung.</li> </ul> <p>Kedai-kedai di situ menggantung <b>tumbal</b> pelbagai bentuk di hadapan kedai.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• “<i>Hmm...</i>lama juga, lebih kurang <b>sepenanak nasi</b>.”</li> <li>• Di situlah tempat beliau <b>beruzlah</b> seketika.</li> <li>• Bahkan, askar-askar itu duduk <b>bertelut</b> dengan tangan yang telah disatukan dan dirapatkan ke muka.</li> </ul>

Jadual 2 menunjukkan aspek diksi bahasa Melayu klasik digunakan oleh penulis melalui melalui pemilihan diksi **galang penopang**. Galang penopang merupakan satu benda melintang yang dijadikan sebuah landasan. Galang penopang ini dapat difahami sebagai satu bentuk sokongan yang digunakan untuk memastikan sesuatu benda itu dapat berdiri dengan stabil atau kukuh. Dalam barisan ayat yang memuatkan ‘galang penopang’ tersebut adalah bertujuan membawa maksud menggambarkan kukuhnya hubungan persahabatan itu sekiranya masing-masing cuba untuk memberikan sokongan antara satu sama lain.

Pemilihan diksi kedua ialah **tanjak yang** merupakan sejenis perhiasan kepala yang dipakai oleh golongan tertentu pada zaman pemerintahan kesultanan Melayu seperti golongan bangsawan, kerabat diraja dan pemimpin-pemimpin Melayu. Pada zaman dahulu, setiap jenis atau bentuk tanjak yang dipakai akan menggambarkan perbezaan status atau kedudukan seseorang itu sendiri. Tanjak juga dikatakan sebagai singkatan daripada ‘Tanah Yang Dipijak’ sewaktu zaman Hang Tuah dulu. Pemilihan diksi ‘tanjak’ ini adalah bertujuan untuk menggambarkan keistimewaan yang mampu dipegang oleh seseorang melalui pemakaian tanjak pada suatu keadaan atau situasi tertentu.

Pemilihan diksi ketiga adalah melalui pemilihan kata **tumbal yang** berasal daripada perkataan dalam bahasa Jawa yang membawa maksud sesuatu benda atau makhluk hidup yang yang dijadikan korban atau persembahan untuk mendapatkan sesuatu yang diinginkan. Secara mudahnya, tumbal ini dapat diklasifikasikan sebagai sesuatu benda yang berkaitan dengan dunia mistik. Pemilihan perkataan tumbal ini digunakan untuk menggambarkan bahawa tumbal tersebut sebagai satu azimat yang digantung di hadapan kedai atas tujuan untuk mendapatkan sesuatu yang berbentuk keuntungan kepada si pemilik kedai itu sendiri.

Seterusnya, pemilihan diksi **sepenanak nasi digunakan oleh penulis**. Dalam ilmu bahasa Melayu, sepenanak nasi merupakan sebuah perumpamaan yang digunakan untuk mendefinisikan tentang satu tempoh yang lama yang juga hampir sama tempohnya dengan orang yang sedang menanak nasi iaitu dalam lingkungan lebih kurang 20 minit. Pemilihan diksi ‘sepenanak nasi’ tersebut bertujuan untuk menggambarkan tentang tempoh ketibaan seseorang yang tidak terlalu lama di sesuatu tempat yang dinyatakan dalam novel. Pemilihan tersebut juga telah mampu membantu untuk menimbulkan keindahan bahasa dengan makna yang ringkas.

Penulis turut menggunakan diksi **beruzlah**. Perkataan ‘beruzlah’ ini merupakan kata yang berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud mengasingkan diri. Dalam konteks pemilihan perkataan ini, penulis novel ingin memberitahu para pembaca melalui baris ayat tersebut bahawa pemegang watak dalam novel tersebut sedang dalam usaha untuk mengasingkan diri daripada orang lain dalam waktu-waktu yang tertentu. Tidak dapat dinafikan bahawa pemilihan perkataan ini sememangnya menunjukkan bahawa keindahan bahasa Melayu itu sendiri dapat dilihat walaupun menerima proses peminjaman bahasa lain atau bahasa asing.

Seterusnya perkataan **onar turut dikesan dalam novel ini**. Perkataan onar berasal daripada bahasa Indonesia dan selari dengan sebutan bahasa Melayu walaupun mempunyai cara pengucapan yang berbeza antara dua negara iaitu Indonesia dan Malaysia yang juga dikatakan sebagai negara serumpun. Menurut Asep Rahmat Hidayat (2022), Raja Ali Haji telah menyebut dalam Kitab Pengetahuan Bahasa bahawa onar disebut sebagai satu kelakuan yang tidak seharusnya dilakukan kerana mampu mendatangkan kesusahan atau kecederaan. Dari segi penggunaan perkataan onar dalam bahasa Melayu pula membawa maksud yang sama iaitu sesuatu yang berkaitan dengan situasi gempar, huruhara, kacau atau rusuh. Perkataan onar ini digunakan oleh penulis novel atas tujuan untuk menggambarkan situasi atau jalan cerita dalam novel yang sememangnya bertepatan dengan makna perkataan itu sendiri.

Seterusnya, pemilihan diksi **dangkal turut dikesan dalam novel Empayat Tanpa Nama**. Dangkal merupakan perkataan yang seerti dengan makna cetek dalam bahasa Melayu. Perkataan ini kebiasaannya digunakan untuk menggambarkan perihal keadaan sesuatu kawasan seperti perigi dan sungai yang mempunyai paras air yang cetek. Berdasarkan penggunaan diksi dangkal dalam jalan penceritaan yang dikemukakan oleh penulis novel, beliau sendiri sebenarnya ingin menyentuh berkenaan pengetahuan tentang tahap pengetahuan masyarakat yang tidak terlalu mendalam perihal pemerintahan yang tidak begitu diuar-uarkan kepada khalayak. Dari aspek penceritaan, penulis novel sendiri boleh sahaja menggunakan perkataan cetek namun pemilihan penggunaan perkataan dangkal telah membuatkan jalan cerita dalam satu baris ayat tersebut terlihat dan kedengaran lebih indah.

Selain itu, pemilihan diksi **bertelut pula** merujuk kepada perlakuan seseorang yang melutut. Bertelut dapat diklasifikasikan sebagai perkataan yang dipengaruhi oleh bahasa klasik dan bahasa istana. Perkataan bertelut ini sering kali digunakan oleh pengkaji-pengkaji dari negara seberang iaitu Indonesia melalui kajian yang dihasilkan oleh Natanael Wasiyono (2019) yang bertajuk Memahami Teologi Paulus Tentang Dosa. Kajian Pardomuan Munthe (2022) yang bertajuk Liturgi Tak Bernyawa; Tinjauan dogmatis terhadap daya tarik, kondisi dan suasana peribadatan Gereja-gereja pembina Sekolah Tinggi Teologi Abdi Sabda Medan juga turut menggunakan perkataan bertelut dalam kajiannya. Perkara ini bukanlah perkara yang mustahil memandangkan Malaysia dan Indonesia terletak bersebelahan dari aspek geografi dan menyebabkan berlakunya pengaruh penggunaan sesuatu perkataan. Penggunaan perkataan ini sememangnya dapat memperlihatkan keindahan makna dalam jalan penceritaan yang digambarkan oleh penulis novel sendiri.

Akhir sekali, unsur diksi juga dapat dilihat melalui penggunaan perkataan **lancang, geliung** dan **jong**. Ketiga-tiga perkataan ini membawa kepada gambaran atau visual yang sama iaitu kapal pelayaran dari kepulauan Melayu dan yang berbeza hanyalah saiznya. Lancang pada asalnya ditulis sebagai lanchang atau lancha yang digunakan sebagai kapal perang, kapal penyangkut dan kapal kerajaan oleh orang-orang dari pantai Timur Sumatra serta turut ditemukan di pesisir Kalimantan. Saiz lancang adalah sedikit kecil daripada saiz geliung. Geliung merupakan sejenis kapal layar besar yang banyak digunakan terutamanya oleh negara-negara Eropah bermula pada kurun ke-16 sehingga kurun ke-18. Kapal jenis ini kebiasaannya digunakan untuk tujuan peperangan atau perdagangan kerana secara umumnya geliung dilengkapi dengan pelbagai jenis meriam untuk tujuan keselamatan. Manakala, jong pula merupakan sejenis kapal layar yang lebih besar daripada geliung. Menurut Norziana Mat Zain (2021), orang Melayu bukan sahaja menguasai kepakaran dalam ilmu pelayaran namun turut memiliki kepakaran dalam bidang pembuatan jong atau perahu. Jong adalah sejenis kapal layar kuno yang berasal dari Jawa yang digunakan secara umum oleh pelayar Jawa dan Sunda dan kemudiannya diteruskan pula oleh pelayar Melayu pada abad-abad kemudiannya. Jong ini digunakan terutamanya sebagai kapal penumpang dan kapal kargo memandangkan ianya boleh berlayar melalui Lautan Atlantik pada zaman kuni dengan purata berat mati sebanyak 1200-1400 tan semasa era Majapahit.

### Analisis Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat atau Struktur Analisis

Menurut J.J Webber (1989), prinsip ini tertumpu kepada pembentukan ayat serta susunan ayat dari sudut panjang dan pendek. Pembentukan ayat sama ada panjang atau pendek harus sesuai dengan keadaan dan situasi yang berlaku bagi menimbulkan kesan stilistik terhadap penulisan novel yang dihasilkan. Jadual 3 di bawah memperlihatkan ayat yang mengandungi prinsip penilaian pembentukan ayat atau struktur analisis.

**Jadual 3: Analisis Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat atau Struktur Analisis**

No.	Data	Penerangan
1.	Itu semua cinta. Itu semua pengorbanan.	Penyusunan sesebuah ayat yang pendek
2.	Penghulu 1833 mati akal untuk memujuk.	Penggabungan dua kata dasar yang berbeza makna lalu memberikan makna yang baru.
3.	Dalam kerajaan ini, walaupun seorang sultan mangkat sekalipun, pengebumian akan dijalankan secepatnya, bertepatan dengan sunnah Rasulullah SAW yang menyarankan penyegeraan pengebumian jenazah.	Penggunaan struktur ayat yang panjang dalam satu baris ayat.

Prinsip penilaian pembentukan ayat atau struktur analisis dalam contoh pertama memperlihatkan penyusunan ayat yang pendek seakan-akan menimbulkan tanda tanya dalam kalangan pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana, ayat **Itu semua cinta. Itu semua pengorbanan** boleh diklasifikasikan sebagai ayat yang agak tergantung kerana telah dihentikan dengan tanda noktah hanya selepas gabungan 3 patah perkataan dalam satu baris ayat. prinsip penilaian pembentukan ayat atau struktur analisis bertujuan ini bertujuan untuk memberikan kesan atau impak kepada khalayak melalui pendevisian ayat, dan juga melalui kepanjangan dan kependekan ayat yang dihasilkan. Secara tidak langsung mampu menghasilkan sebuah karya yang lebih berkesan dan disenangi apabila dibaca oleh khalayak.

Merujuk kepada contoh kedua pembentukan ayat dapat dilihat melalui penggunaan unsur metafora. Penggunaan unsur metafora dalam gabungan kata dasar '**mati akal**' yang secara jelasnya mempunyai makna berbeza kemudiannya telah menjadi makna yang baharu setelah digabungkan. Penggunaan unsur metafora berikut juga adalah bertepatan dengan apa yang hendak disampaikan oleh penulis novel dalam penceritaannya.

Seterusnya dalam contoh ketiga pula menunjukkan struktur ayat yang panjang dalam satu baris ayat. **Dalam kerajaan ini, walaupun seorang sultan mangkat sekalipun, pengebumian akan dijalankan secepatnya, bertepatan dengan sunnah Rasulullah SAW yang menyarankan penyegeraan pengebumian jenazah.** Sebanyak dua puluh dua patah perkataan dalam ayat Ayat ini menjelaskan tentang kehadiran struktur ayat-ayat yang panjang dalam penulisan novel yang dihasilkan oleh Teme Abdullah. Penggunaan struktur ayat yang panjang seperti ini sekali gus memperlihatkan gaya penulisan penulis yang berani menghasilkan baris-baris ayat dalam novel yang berstruktur panjang.

### Analisis Prinsip Kajian Terhadap Makna atau Semantik

Prinsip kajian terhadap makna atau semantik merupakan kajian tentang penggunaan bahasa bermula dari taburan bunyi, pemilihan perkataan dan penyusunan ayat yang bertujuan untuk mendapatkan makna. Penggunaan bahasa harus diselaraskan oleh penulis bersesuaian dengan tema sesebuah novel agar menimbulkan kesan yang menarik serta berkesan terhadap pembaca di samping melihat aspek deviasi dalam makna. Jadual 4 menunjukkan penggunaan semantik dalam novel yang dikaji,



**Jadual 4: Prinsip Kajian Terhadap Makna atau Semantik**

No.	Data	Penerangan
1.	Wajahnya sangat cantik <u>seperti emas baru disepuh</u> .	Penggunaan perumpamaan 'seperti emas baru disepuh'.
2.	Hormatlah pada seorang ketua yang <u>berdarah gahara</u> .	Penggunaan unsur diksi 'berdarah gahara'.
3.	Kerendahan dalam ketinggian.	Penggunaan unsur paradoks 'kerendahan dalam ketinggian'.

Prinsip kajian terhadap makna atau semantik dalam contoh pertama dapat dilihat melalui penggunaan frasa '**seperti emas baru disepuh**' yang bersesuaian dengan penceritaan yang hendak disampaikan oleh penulis. Seperti yang terkandung dalam Kamus Bahasa Melayu, perkataan disepuh membawa maksud kepada sesuatu bahan atau barang yang disadur dengan bahan yang lain supaya menjadi lebih elok. Bagi konteks perumpamaan yang berikut pula membawa maksud kepada keelokan atau kecantikan seorang perempuan. Penggunaan frasa berikut dapat menimbulkan aspek keindahan dalam kalangan para pembaca hanya dengan menggunakan perumpamaan dalam satu baris ayat.

Prinsip kajian semantik yang kedua pula adalah melalui penggunaan unsur diksi '**berdarah gahara**' dalam satu baris ayat yang dikarang oleh penulis novel sendiri. Gahara membawa maksud keturunan raja yang lahir daripada seorang permaisuri. Gabungan antara kata dasar darah dan gahara iaitu berdarah gahara pula membawa maksud kepada seseorang yang berketurunan diraja. Penggunaan diksi ini sememangnya dapat membantu untuk menggambarkan satu situasi di mana dalam penceritaan novel ini telah dikaitkan dengan pemegang watak yang mempunyai kaitan dengan raja atau sultan.

Dalam contoh ketiga pula menunjukkan penggunaan unsur paradoks '**kerendahan dalam ketinggian**' berdasarkan prinsip kajian semantik. Semantik yang telah digambarkan berdasarkan penggunaan perbandingan antara dua kata dasar berikut sememangnya mempunyai makna yang tersirat. Seperti yang telah terkandung dalam novel, unsur paradoks tersebut menggambarkan tentang sifat peribadi salah seorang watak dalam novel yang mempunyai sifat merendah diri walaupun mempunyai pangkat yang tinggi dan disegani ramai. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan keindahan penggunaan bahasa dalam bentuk kiasan bahasa Melayu.

### **Analisis Prinsip Penelitian kepada Unsur-unsur Bahasa Dramatik**

Bahasa dramatik dapat difahami sebagai percakapan atau penulisan yang mempunyai unsur gaya yang bersesuaian dengan konteks yang tertentu. Bahasa dramatik ini juga digunakan bertujuan untuk menimbulkan kesan pada jiwa para pembaca sama ada dari segi perasaan gembira, sedih dan pelbagai emosi yang lainnya. Selain mampu menunjukkan kekuatan kepelbagaian dan keindahan fokus sesuatu bahasa itu sendiri. Jadual 5 menunjukkan penggunaan bahasa dramatik dalam novel yang dikaji.

**Jadual 5: Prinsip Penelitian kepada Unsur-Unsur Bahasa Dramatik**

No.	Data	Prinsip Unsur Bahasa Dramatik
1.	Tampal kebocoran yang tertebuk lalu terus membelah ombak.  Manakala hukuman yang paling berat pula ialah membayar dengan nyawa.  Nafasnya dihembus perlahan-lahan sambil menahan amarah yang menggelegak dalam jiwa.	Hiperbola
2.	Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah.  Ditelan mati emak, diluahkan mati bapa.	Peribahasa

Penerapan prinsip penelitian kepada unsur bahasa dramatik pada contoh pertama dapat dikenal pasti melalui penggunaan unsur hiperbola, iaitu ayat **membelah ombak**, Penggunaan unsur hiperbola ini bertujuan untuk menunjukkan unsur berlebihan dalam satu baris ayat. Penggunaan hiperbola dalam ayat **membayar dengan nyawa**, memberikan gambaran dendam seseorang yang begitu tinggi terhadap individu yang lain. Pilihan penulis novel dengan memilih pembinaan ayat seperti berikut jelas mampu menimbulkan unsur dramatik kerana telah berjaya menonjolkan emosi yang tinggi. Manakala ayat **menahan amarah yang menggelegak dalam jiwa dan imaginasi yang lebih melangit** memberikan gambaran emosi yang marah yang tidak dapat dibendung dalam baris ayat sekaligus menunjukkan unsur bahasa dramatik. Seterusnya, contoh kedua pula adalah melalui penggunaan bahasa dramatik dalam ayat **ditelan mati emak, diluahkan mati bapa**. Ayat tersebut mempunyai unsur aforisma atau bahasa kiasan berasaskan kepada kata-kata pujangga atau hikmah. Emosi yang dapat dikenal pasti dalam ayat tersebut adalah berkaitan dengan rasa bingung dalam hendak membuat keputusan namun emosi tersebut digambarkan dalam bentuk peribahasa yang menunjukkan kiasan. Sementara itu, melalui penggunaan unsur peribahasa dalam bahasa dramatik seperti '**raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah**'. Ayat tersebut diklasifikasikan sebagai bahasa dramatik disebabkan oleh penggunaan perkataan-perkataan yang indah maknanya. Penggunaan peribahasa tersebut juga mampu menimbulkan kesan penegasan dari cara pembacaannya. Tidak dapat dinafikan juga bahawa kesan penegasan yang timbul adalah sebahagian daripada bahasa dramatik yang akan terhasil.

### **Prinsip Gaya Individualisme**

Menurut J.J. Webber (1989) prinsip gaya individualisme merupakan cara seseorang penulis itu mendapatkan dan menghasilkan ideanya sendiri mengikut kehendak peribadi sesuai dengan apa yang diinginkan. Dalam dunia bahasa Melayu, individualisme merupakan prinsip atau tindakan yang menekankan kebebasan atau sifat-sifat individu seseorang.

Menurut Rusydi AM (2018), individualisme mementingkan hak perseorangan berbanding dengan kepentingan masyarakat atau negara. Seseorang yang menganggap dirinya lagi penting berbanding orang lain adalah seseorang yang mempunyai tahap individualisme yang tinggi. Individualisme dalam bentuk penulisan pula dapat dikenal pasti melalui cara atau corak penulisan yang sering digunakan oleh seseorang penulis itu sendiri jika hendak dibandingkan dengan penulis yang lain. Jadual 6 memperlihatkan contoh-contoh daripada novel yang menerapkan prinsip gaya individualisme.

**Jadual 6: Prinsip Gaya Individualisme**

No.	Prinsip Gaya Individualisme	Data
1.	Enumerasia	Mereka yang berada di dalam ruangan dewan itu tersentak. Semuanya terdiam. Baki suara tempikan itu bergema di dalam dewan.
2	Melankolik	Dia yang sedang bersila di atas lantai itu tertunduk kembali. Kecewa dengan nasibnya sendiri.  Keresahan itu membuatkan Pahlawan 1636 sukar untuk tidur pada waktu malam.  Dia akan mendapat sokongan atas dasar simpati dan pilih kasih.
3	Tautologi	<b>“Siapa kau untuk senang-senang memetik hadis Rasulullah?! Siapa kau untuk hanya menggunakan akal dalam mentafsir maksud hadis?”</b>  Maksudnya, <b>wanita-wanita</b> yang jahat untuk <b>lelaki-lelaki</b> yang jahat, dan <b>lelaki-lelaki</b> yang jahat adalah untuk <b>wanita-wanita</b> yang jahat.

Prinsip gaya individualisme dalam contoh novel pertama dapat dilihat penggunaan unsur enumerasia. Penulis menggunakan unsur enumerasia dalam novel sebagai satu bentuk satu corak gaya bahasa yang bersifat penghuraian sesuatu peristiwa yang sengaja dipisah-pisahkan. Ianya digambarkan satu persatu agar lebih hidup dan lebih nyata. Sebagai contoh **Mereka yang berada di dalam ruangan dewan itu tersentak. Semuanya terdiam. Baki suara tempikan itu bergema di dalam dewan.** Tujuan enumerasia ini adalah untuk menarik minat pembaca untuk lebih memfokuskan tentang penyampaian bentuk ayat penceritaan dalam novel. Prinsip gaya individualisme yang kedua ialah melalui penggunaan unsur melankolik dalam novel. Penulis memasukkan unsur melankolik dalam ayat **Dia yang sedang bersila di atas lantai itu tertunduk kembali. Kecewa dengan nasibnya sendiri** yang mengandungi aspek rintihan oleh si pemegang watak dalam novel. Rintihan tersebut menjadi penguat kepada unsur melankolik yang juga membantu memperlihatkan gaya individualisme yang diterapkan oleh penulis dalam novelnya sendiri. Contoh ketiga ialah penggunaan unsur tautologi, iaitu perulangan perkataan yang sama dalam baris ayat yang sama namun perulangan tersebut adalah tidak begitu diperlukan dalam pembentukan ayat. Seperti dalam contoh **“Siapa kau untuk senang-senang memetik hadis Rasulullah?! Siapa kau untuk hanya menggunakan akal dalam mentafsir maksud hadis?”** telah menunjukkan bahawa unsur tersebut adalah sebahagian daripada gaya penulisan beliau yang juga boleh diklasifikasikan sebagai individualisme sesuai dengan apa yang terkandung dalam prinsip terakhir J.J Webber ini sendiri.

## KESIMPULAN

Berdasarkan Novel Empayar: Hikayat Putera Tanpa Nama yang dikaji dengan menggunakan prinsip stilistik J.J Webber iaitu penggunaan Prinsip Fonologi, Prinsip Pemilihan Diksi, Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat atau Struktur Analisis, Prinsip Kajian Terhadap Makna atau Semantik, Prinsip Penelitian kepada Unsur-unsur Bahasa Dramatik dan Prinsip Gaya Individualisme terdapat dalam Novel Empayar: Hikayat Putera Tanpa Nama karya Teme Abdullah. Implikasi kajian mengenai stilistik ini turut signifikan dalam membantu memperbanyakkan lagi hasil kajian dalam bidang ilmu stilistik ini sendiri. Dengan adanya

kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini, sedikit sebanyak kajian ini sememangnya mampu menjadi salah satu penyumbang ke arah kemajuan penyelidikan dalam bidang stilistik bagi memacu teguh seperti bidang-bidang yang terangkum dalam bidang bahasa Melayu yang lainnya.

### Sumbangan Pengarang

Basir, Nurafiqah Haziha. (2024). Pengenalan, Sorotan Literatur, Metodologi, Kerangka Teori, Dapatan dan Perbincangan dan Draf Awal. Idrus, Azean Idruwani. (2024). Perbincangan, Semakan Dan Suntingan Draf Akhir

### Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

### RUJUKAN

- Arbai'e Sujud. (2014). *Stilistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asep Rahmat Hidayat. (2022). ONAR. <https://badanbahasa.kemdikbud.go.id/artikel-detail/249/onar>
- Asmah Haji Omar dan Rosline Sandai (2020). Fonologi Bahasa Iban-Fonologi Jaku Iban. Penerbit UPSI. Tanjung Malim. Perak.
- Crystal, D. (1985). *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*. Great Britain: Cornwall press Ltd.
- Indirawati Zahid dan Mardian Shah Omar (2006). Fonetik dan Fonologi. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jean. J Webber. (1989). *The stylistics reader*. United State: Routledge.
- Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad dan Muhammad Zaid Daud (2018). Analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3 (1). 106-121.
- Natanael, W. (2019). Memahami Teologi Paulus tentang Dosa. *Jurnal Teologi dan Pelayanan Kristiani*, 2(2), 79-87. <http://e-journal.sttpaulusmedan.ac.id/index.php/sotiria/article/view/12/10>
- Norziana Mat Zain (2021). Kapal Melayu Lebih Besar. <https://people.utm.my/norziana/2021/12/16/kapal-melatu-lebih-beasr/>
- Pardomuan, M. (2022). LITURGI TAK BERNYAWA; Tinjauan dogmatis terhadap daya tarik, kondisi dan suasana peribadatan Gereja-gereja pembina Sekolah Tinggi Teologi Abdi Sabda Medan. *Publikasi Berkala Desember 2021*, 1(2). <https://ejournal.sttabdisabda.ac.id/index.php/JSPL/article/view/36/38>
- Rusydi AM. (2018). Analisis Stilistik: Pemilihan Leksikla dan Refleksi Gaya Penulis Melalui Cerpen "Kuala Terengganu, Tango, Etsetera" Karya Azrin Fauzi.
- Teme Abdullah. Novel Empayar (Hikayat Putera Tanpa Nama (2018). IMAN Publication. Selangor.